

**DALAM MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
[KES NO: 15/4-620/24]**

ANTARA

MOHD HIZAM MOHD MOSLEH

DAN

GARDENIA SALES & DISTRIBUTION SDN. BHD.

AWARD NO. 1114 TAHUN 2024

Di Hadapan : **Y.A. TUAN ANDERSEN ONG WAI
LEONG - Bersidang Berseorangan**

Tempat : Mahkamah Perusahaan Malaysia Kuala
Lumpur

Tarikh Rujukan : 20.05.2024.

Tarikh Sebutan : 04.07.2024 & 24.07.2024.

Perwakilan : *Bagi pihak menuntut - Tiada*

*Bagi pihak responden - Lew Kang Ying;
T/n Josephine, L K Chow & Co*

RUJUKAN:

[1] Rujukan ini dibuat oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan pada 20.05.2024 dibawah *Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967* seperti yang terpinda oleh *Seksyen 12 Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 ("Akta A1615)*. Ianya berpunca daripada pembuangan kerja **MOHD HIZAM BIN MOHD MOSLEH** ("Yang Menuntut") oleh **GARDENIA SALES & DISTRIBUTION SDN. BHD.** ("Responden") pada **23.01.2024**.

AWARD

[2] Kes ini telah dipanggil untuk sebutan pada 24.07.2024 dalam kehadiran peguamcara Responden dan Yang Menuntut tidak hadir walaupun telah dimaklumkan oleh Mahkamah mengenai tarikh sebutan tersebut.

[3] Pada tarikh sebutan yang pertama iaitu pada 04.07.2024, Yang Menuntut juga tidak hadir. Manakala, peguamcara Responden hadir. Pada tarikh tersebut Mahkamah telah memberi arahan untuk pemfailan Pernyataan Kes pada atau sebelum 24.07.2024. Mahkamah juga telah memaklumkan kepada Yang Menuntut tarikh sebutan seterusnya pada 24.07.2024 melalui surat Mahkamah bertarikh 05.07.2024.

[4] Namun, Yang Menuntut masih tidak hadir di Mahkamah untuk sebutan kes pada 24.07.2024 tanpa sebarang notis terdahulu atau alasan yang kukuh. Yang Menuntut juga telah gagal memfailkan Pernyataan Kes seperti yang diarahkan oleh Mahkamah.

[5] Peguamcara Responden telah memohon kepada Mahkamah sewaktu sebutan kes pada 24.07.2024 agar tuntutan dan/atau kes Yang Menuntut dibatalkan atas alasan Yang Menuntut telah gagal menghadiri Mahkamah sebanyak dua kali berturut-turut.

[6] Memandangkan Yang Menuntut tidak hadir untuk sebutan kes sebanyak dua kali berturut-turut dan gagal memfailkan Pernyataan Kes sehingga hari ini, Mahkamah telah pada 24.07.2024 membatalkan tuntutan Yang Menuntut dan/atau kes ini terhadap Responden.

DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH PADA 25 JULAI 2024

(ANDERSEN ONG WAI LEONG)

PENGERUSI

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR

Perundangan yang dirujuk:

Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s. 20(3)

Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020, s. 12